

MAKLUMAN RASMI

PERALIHAN PERMOHONAN BORANG DALAM TALIAN BAGI INSTITUSI LATIHAN BERDAFTAR DAN PENGURUS TENAGA BERDAFTAR KEPADA SISTEM MySTEE

Dimaklumkan bahawa borang permohonan dalam talian yang melibatkan permohonan bagi Institusi Latihan Berdaftar (RTI) dan Pengurus Tenaga Berdaftar (REM) di bawah Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024 [Akta 861] akan dinaik taraf dan dipindahkan kepada sistem baharu MySTEE. Semua permohonan hendaklah dikemukakan melalui laman sesawang <https://mystee.st.gov.my> mulai pada **14 September 2026**.

Bagi melancarkan proses migrasi, penerimaan permohonan **BAHARU** dan **PEMBAHARUAN** melalui borang permohonan dalam talian sedia ada akan ditutup **mulai 7 September 2026**.

1. Jenis permohonan yang terkesan:

- Permohonan baharu dan pembaharuan Perakuan Amalan bagi RTI. Sila rujuk [Guide on Registration of Training Institution](#) untuk panduan permohonan.
- Permohonan penambahan dan kemas kini kursus bagi RTI serta penghantaran pelaporan selepas latihan (*post-training report*). Sila rujuk [Guide on Registration of Training Institution](#) untuk panduan permohonan.
- Permohonan baharu dan pembaharuan Perakuan Amalan bagi REM (Jenis Pertama dan Jenis Kedua). Sila rujuk [EECA Guide #1.1 Guide on Registration of Energy Manager](#) untuk panduan permohonan.

2. Permohonan yang diterima **sebelum 7 September 2026** akan diproses sehingga selesai. Pemohon **tidak perlu** mengemukakan semula permohonan tersebut di dalam sistem MYSTEE. Rekod permohonan yang telah diluluskan akan dipindahkan ke dalam sistem MySTEE.

3. Pemohon adalah bertanggungjawab untuk memantau tempoh sah laku Perakuan Amalan masing-masing dan merancang permohonan pembaharuan dengan sewajarnya. Sebarang fi lewat pembaharuan yang dikenakan akibat permohonan yang dikemukakan selepas tamat tempoh sah laku perakuan adalah menjadi tanggungjawab pemohon.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk FAQ yang boleh dimuat turun dari laman sesawang ST. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada:

Kategori Permohonan	E-mel
Pengurus Tenaga Berdaftar (REM)	rem@st.gov.my
Institusi Latihan Berdaftar (RTI)	rti@st.gov.my

Suruhanjaya Tenaga
27 Ogos 2026